

KAEDAH PENDIDIKAN ANAK-ANAK MENURUT ABDULLAH NASIH ULWAN DALAM MEMBENTUK JATI DIRI: SUATU ANALISIS

Muhammad Saifullah bin Mamat
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
hapish88@yahoo.com.my
Tel: +60134632293

Khairulnazrin Nasir
Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email : khairulnazrin19@gmail.com
Tel : +60133242865

Rahim KZ
Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
Email : abdulrahim@kias.edu.my
Tel : +601126017148

Kamarul Shukri Mat Teh
Timb. Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
Tel : +60129081421
Email : kamarul@unisza.edu.my

ABSTRAK

Kajian ini menghuraikan kaedah-kaedah utama pendidikan anak-anak menurut Abdullah Nasih Ulwan dalam membentuk jati diri. Kajian ini dilakukan untuk mengkaji apakah kaedah yang terbaik bagi membantu untuk membentuk jati diri anak memandangkan kes jenayah dan gejala sosial hari ini seringkali melibatkan anak-anak yang masih muda terutama dalam kalangan remaja muslim. Kajian ini akan menggunakan karya Abdullah Nasih Ulwan, mengenai pendidikan anak-anak dalam islam, kaedah-kaedah pendidikan dan pengaplikasiannya. Dalam menghasilkan kajian ini, pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah perpustakaan untuk mencari maklumat dan bahan kajian. Kesimpulannya, kaedah-kaedah pendidikan anak dan pengaplikasiannya perlu diamalkan dan diaplikasi oleh semua pihak kerana ia sesuatu yang bukan sahaja bertitik tolak dari ajaran al-Quran malah diperkembangkan dengan keadaan realiti hari ini.

Kata kunci: Pendidikan anak-anak, pendekatan, penyelewengan, jati diri

PENGENALAN

Anak adalah amanah Allah yang dikurniakan kepada sesuatu pasangan dan kanak-kanak perlu dilindungi dalam apa jua bentuk daripada segala bahaya. Dari aspek perundangan kanak-kanak juga dilindungi oleh pelbagai akta. Antaranya Akta Kanak-Kanak 2001 (pindaan 1 Januari 2006) dan Akta ini diselaraskan bagi memenuhi tuntutan di bawah Konvensyen Hak-hak Terhadap Kanak-Kanak (CRC), di mana Artikel 19 CRC menyatakan pihak yang bertanggungjawab perlu mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk penganiayaan, penderaan, pengabaian dan keganasan, oleh ibubapa atau penjaga kanak-kanak. Melalui Akta Kanak-Kanak 2001 ini juga, kanak-kanak bukan sahaja perlu dilihat dari aspek undang-undang, tetapi ahli masyarakat hendaklah melindungi kanak-kanak daripada semua bentuk penyelewengan dan pengabaian pendidikan. Ini kerana anak-anak merupakan anugerah Allah SWT yang sangat bernilai dan juga anak merupakan satu ujian Allah SWT kepada kita. Dewasa ini, tidak dinafikan penyelewengan terhadap penjagaan dan pendidikan anak-anak adalah serius sehingga terlibat dengan masalah sosial yang tidak boleh dipandang ringan oleh semua pihak.

Rodziah Ismail (2014), menjelaskan pengabaian kepada kanak-kanak mungkin tidak meninggalkan parut, tetapi sebagai ibubapa atau penjaga seharusnya menjaga supaya tidak berlaku kerosakan emosi kepada kehidupan seseorang kanak-kanak. Pengabaian berlaku apabila ibu bapa atau penjaga dengan sengaja gagal untuk memenuhi keperluan fizikal dan emosi (daripada segi kesihatan, pendidikan, pembangunan emosi, khasiat pemakanan, tempat berteduh, dan keadaan tempat tinggal yang selamat), atau gagal melindunginya daripada bahaya. Meninggalkan seseorang kanak-kanak adalah bentuk pengabaian yang ekstrem, boleh membawa kepada kerosakan psikologi dan fizikal yang amat besar.

Menurut Kasmini Kassim (1998), keganasan terhadap kanak-kanak di Malaysia masih banyak tersembunyi hanya penderaan kanak-kanak dan kisah pengabaian yang amat keterlaluan sahaja dilaporkan oleh akhbar tempatan. Antara bentuk dan peralatan yang boleh mendatangkan kecederaan ialah menggunakan tangan secara keterlaluan, dirotan, disebat, digigit, disimbah cecair panas, dicucuh dengan besi atau benda panas, puntung rokok atau ubat nyamuk, dirantai, diikat, dikurung, dikunci di dalam bilik atau rumah, ditumbuk, disepak, diterajang, dicubit, dikepit atau dipulas dan sebagainya. Mariani Mansor (2009), mengatakan kesan jangka pendek akibat keganasan tersebut menyebabkan kanak-kanak boleh mati mengejut atau cedera fizikal yang boleh dilihat parutnya. Lazimnya mangsa akan mengalami tekanan jiwa, gangguan emosi, dan mental atau proses pembesarannya. Pengabaian juga boleh membahayakan mental, semangat, moral dan pembangunan sosial seseorang kanak-kanak, dan menyumbang kepada penglibatan kanak-kanak kepada aktiviti bahaya seperti penyalahgunaan dadah dan aktiviti seksual pra-matang dan tanpa perlindungan.

Usaha keras perlu dilakukan bagi mengelak golongan ini terus melakukan kesilapan demi kesilapan. Seorang sarjana, Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya bertajuk *Tarbiyatul Awlad fi al-Islam* menggariskan punca penyelewengan terhadap pendidikan kanak-kanak dan kaedah mengatasinya. Buku asal dalam bahasa Arab ini telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu bertajuk *Pendidikan Anak-anak Dalam Islam* membincangkan punca dan kaedah mengatasi penyelewengan pendidikan kanak-kanak.

METODOLOGI KAJIAN PENGENALAN

Metodologi kajian merupakan satu kaedah dan teknik mereka-bentuk, mengumpul dan menganalisis data supaya dapat menghasilkan bukti-bukti yang boleh menyokong sesuatu rumusan. Metodologi akan menerangkan tentang cara sesuatu masalah disiasat dan sebab sesuatu kaedah serta teknik tertentu digunakan. Tujuan metodologi adalah untuk membantu memahami dengan lebih luas lagi tentang pengaplikasian kaedah dengan cara membuat huraian tentang proses kajian.

REKA BENTUK KAJIAN

Reka bentuk kajian memberi gambaran tentang kerangka, perancangan atau strategi yang menentukan prosedur kajian. Dalam kajian ini penulis memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah perpustakaan untuk mencari maklumat dan bahan kajian bagi menjelaskan kaedah-kaedah pendidikan anak-anak menurut Abdullah Nasih Ulwan dengan berpandukan buku beliau yang bertajuk Pendidikan Anak Menurut Islam. Kaedah-kaedah pendidikan ini akan dijadikan sandaran kepada proses perubahan tingkat jati diri dalam kalangan anak-anak dan seterusnya dapat memacu perkembangan rohani, emosi dan mental ke arah yang lebih baik. Berdasarkan kepada kaedah pendidikan terhadap anak-anak yang dikemukakan oleh para sarjana, penulis menganalisis dan seterusnya menyesuaikannya dengan masalah semasa berkaitan isu di Malaysia. Sesuai dengan konsep pendidikan yang berasaskan Islam, Al-Quran dan hadis Nabi saw adalah panduan asas dan rujukan utama dalam kajian ini.

PENDIDIKAN MENURUT ISLAM

Pendidikan merupakan suatu aspek yang amat dititik beratkan oleh Islam. Ia digambarkan melalui penurunan ayat al-Quran yang pertama. Kenyataan yang lebih jelas dapat diperhatikan dengan memerhati pemaparan yang dibuat oleh al-Ghazali di dalam kitabnya *Ihya' Ulumiddin* dalam bab ilmu. Pendidikan bukan sahaja tertumpu pada proses pemindahan maklumat daripada seorang guru kepada seorang murid tetapi ia merupakan satu proses pembentukan insan cemerlang dari perspektif yang berbeza berbanding dengan barat.

Sistem pendidikan dalam Islam memberi penekanan kepada aspek pembangunan insan. Pembangunan insan bermaksud pembangunan manusia dengan sifat-sifat kemanusiaan sesuai dengan fitrah kejadiannya. Setiap manusia diciptakan dengan komposisi yang sama iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI). Pendidikan menurut Islam menekankan bahawa ke semua empat elemen tersebut perlu dibangunkan secara bersepadu. Pengabaian terhadap salah satu aspek tersebut boleh menyebabkan berlakunya kepincangan di dalam masyarakat secara amnya dan keluarga khususnya.

Pembangunan jasmani bermaksud individu yang menjaga tubuh badan supaya sihat, kemas dan segar. Seterusnya pembangunan emosi bermaksud individu yang memiliki emosi yang stabil dan seimbang serta dapat disesuaikan mengikut keadaan dan masa. Tidak berlaku “perasaan mengatasi kewarasan”. Seterusnya pembangunan rohani pula bermaksud manusia

yang baik. Baik dari segi pergaulan, hubungan sesama manusia dan hubungan dengan Allah s.w.t. Terakhir ialah pembangunan intelek. Ia bermaksud kecerdikan, kecerdasan dan kewarasan akal fikiran. Memiliki tahapan intelektual yang tinggi, berinovatif, berdedikasi dan proaktif. Secara keseluruhan dapat disimpulkan bahawa pendidikan menurut islam bukan hanya tertumpu pada pembangunan minda semata, tetapi ia turut melibatkan pembangunan jiwa.

PENDIDIKAN ANAK-ANAK MENURUT ISLAM

Pendidikan anak-anak menurut pandangan Islam bermula sejak dari alam rahim bahkan soal pemilihan calon suami atau isteri juga diajarkan oleh Islam. Perkahwinan boleh membawa kebaikan kepada manusia. Antaranya dapat menjamin kewujudan manusia, memelihara nasab keturunan, menyelamatkan masyarakat dari keruntuhan akhlak, menyelamatkan masyarakat dari penyakit seperti penyakit sipilis. Selain itu perkahwinan juga akan memberi ketenangan jiwa dan perasaan kepada manusia. Seterusnya perkahwinan akan menyemarakkan perasaan sebagai ibu bapa apabila memiliki anak-anak kelak.

Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya menyebut tentang sifat semula jadi ibu bapa terhadap anak-anak iaitu perasaan kasih sayang terhadap anak, belas kasihan dan mendidik anak-anak. Beliau juga menjelaskan tentang perkara-perkara yang perlu dilakukan apabila berjaya memperoleh cahaya mata (anak). Perkara-perkara tersebut ialah adab ketika berlakunya kelahiran seperti azan dan iqamat pada anak, melakukan tahnik serta mencukur kepala anak. Beliau juga menyentuh soal hukum hakam untuk menamakan anak dan melakukan akikah bagi anak serta hukum berkhatan.

Menurut beliau lagi, penyelewengan anak-anak berlaku disebabkan oleh beberapa faktor antaranya kemiskinan, pergaduhan ibu bapa, perceraian, masa lapang anak-anak yang diisi dengan perkara yang tidak berfaedah, pengaruh rakan sebaya, layanan buruk ibu bapa terhadap anak, menonton filem-filem ganas, ibu bapa melepaskan diri dari mendidik anak-anak dan anak yatim yang terbiar. Selain daripada penyelewengan, beliau juga mengupas tentang cara untuk mengelakkan dari berlakunya penyelewengan dalam kalangan anak-anak.

Selain itu, beliau juga ada menyebut mengenai tanggungjawab ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Ibu bapa bertanggungjawab memberikan pendidikan dari aspek sosial, seksual dan kemasyarakatan. Aspek sosial terdiri daripada muamalah sesama manusia. Manakala seksual pula terdiri daripada adab pergaulan, menjauhkan ransangan-ransangan seks terhadap anak-anak serta mengajar mereka kesedaran seksual. Akhirnya, beliau ada menyebut mengenai kemasyarakatan iaitu menyemai prinsip-prinsip kerohanian yang baik dalam diri anak dan masyarakat, menghormati hak orang lain dan menjaga adab dalam pergaulan.

Seterusnya, beliau menerangkan tentang hubungan anak terhadap diri sendiri dan masyarakat. Hubungan dengan diri sendiri merangkumi hak-hak diri yang perlu dipenuhi seperti keperluan kehidupan, keperluan menjaga fikiran, makanan, pengisian rohani dan sebagainya. Beliau juga ada memberi peringatan tentang murtad, kefahaman tentang ajaran yang tidak sehaluan, rakan yang jahat, bahaya keruntuhan akhlak, dan pengaruh rakan yang bahaya kepada anak-anak.

Ringkasannya, pendidikan anak-anak menurut islam begitu luas. Ia bukan hanya tertumpu kepada quran, solat serta akhlak semata-mata. Tetapi pendidikan ini mestilah meliputi seluruh ruang kehidupan manusia sejak dari awal kelahiran sehinggalah kepada hari kematian.

PSIKOLOGI PERKEMBANGAN MANUSIA

Perkataan psikologi berasal daripada perkataan Greek, iaitu *psyche* dan *logos*. *Psyche* bermakna jiwa dan *logos* bermakna melakukan kajian. Secara mudahnya psikologi bermaksud satu analisa atau andai terhadap perkembangan jiwa seseorang. Perkembangan jiwa saling berkaitan dengan perkembangan diri seperti, akal fikiran, tumbesaran dan pertumbuhan.

Psikologi perkembangan bertujuan untuk membekalkan pengetahuan tentang perkembangan mental dan psikomotor kanak-kanak peringkat awal, peringkat remaja dan dewasa kepada guru dalam proses pengajaran demi meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran murid. Selain itu, ia juga bertujuan untuk memberi kefahaman kepada guru berkenaan peringkat-peringkat perkembangan kognitif kanak-kanak agar dapat membina alat atau teknik mengajar yang setaraf dengan perkembangan kanak-kanak. Akhir sekali psikologi adalah ilmu untuk membantu para guru memahami perubahan tingkah laku kanak-kanak supaya dapat dirancang aktiviti-aktiviti yang lebih menarik dan mencabar.

Psikologi perkembangan diperlukan untuk membekalkan pengetahuan kepada guru dalam membuat persediaan bahan sumber pengajaran yang lebih bersesuaian. Selain itu, ia juga dapat membantu para guru menyediakan isi pelajaran dan kandungan yang lebih efektif. Dan akhir sekali, ia dapat memberi pengetahuan kepada guru untuk mengenali dan meneliti tingkah laku murid disamping mencari jalan penyelesaian untuk memperbaiki permasalahan yang timbul.

Perkembangan seseorang manusia berlaku selari dengan tahap perkembangan kematangannya. Perkembangan kematangan dapat dilihat dari aspek psikomotor, kognitif dan afektif. Setiap perkembangan ini merupakan pencapaian seseorang itu untuk melakukan suatu kemahiran tertinggi dalam hidupnya. Kemahiran yang diperoleh hasil dari kematangan adalah merupakan asas kepada perkembangan kemahiran yang berikutnya.

Perkembangan manusia berlaku secara terarah. Perkembangan manusia berlaku secara sekata. Iaitu permulaan pertumbuhan dibahagian kepala, badan dan akhirnya kaki. Perkembangan juga merupakan satu proses yang berlaku secara tersusun. Kanak-kanak terlebih dahulu merangkak atau mengesot sebelum mereka mula berjalan. Menurut Atan Long (1982), perkembangan ini berlaku secara teratur dan tidak boleh berubah atau dihalang. Sebagai contohnya, kanak-kanak yang lahir awal (pramatang) akan mengalami sedikit kelewatan dari aspek perkembangan berbanding orang lain. Namun begitu, dia akan tetap sampai kepada tahapan perkembangan yang sama dengan kanak-kanak lain.

Perkembangan setiap dari mereka berbeza-beza. Walaupun urutan perkembangan kanak-kanak serupa tetapi mereka mempunyai corak perkembangannya yang tersendiri. Dengan itu tidak semua kanak-kanak akan sampai kepada titik perkembangan yang sama. Walaupun begitu, tahap perkembangan ini bersifat tekal iaitu kanak-kanak akan tetap sampai kepada tahap perkembangannya mengikut kadaran masa yang sesuai. Satu masa, kanak-

kanak yang tinggi akan tetap menjadi tinggi dan kanak-kanak yang rendah akan tetap menjadi rendah.

Secara kesimpulannya, perkembangan manusia dipengaruhi oleh pelbagai aspek termasuk gen, biologi, kesihatan dan pemakanan.

JATI DIRI MENURUT ISLAM

Manusia yang hidup di dunia ini memiliki identiti dan mereka mengenal dirinya sendiri. Tidak ada manusia di dunia ini yang tidak memiliki identiti dan tidak mengenali siapa dirinya. Walaupun begitu, jarang sekali ada diantara manusia yang benar-benar mengerti dan mengenal siapa dirinya yang sebenar dan tujuan dia dihidupkan di dunia ini, adakah hanya untuk makan, minum, tidur, atau mencari wang semata-mata.

Jati Diri Manusia

Sebelum mengenal dirinya dengan baik, seorang manusia khususnya muslim perlu mengetahui unsur-unsur yang menyusun dirinya, dari apakah ia dibentuk dan apa saja yang ada pada dirinya. Pada dasarnya manusia diciptakan oleh Allah s.w.t dengan dua jenis unsur iaitu unsur fizikal atau jasmani dan unsur rohani iaitu jiwa atau roh.

Jasmani atau Fizikal

Unsur Jasmani atau fizikal adalah tubuh bagi seseorang manusia. Di mana dengannya jiwa seseorang manusia itu akan hidup. Dengan fizikal itulah manusia melakukan segala aktiviti di dunia dan manusia juga dapat dikenali berdasarkan kepada bentuk fizikal dan rupanya. Allah s.w.t telah menciptakan manusia dengan sebaik-baiknya bentuk bahkan manusia lebih baik jika dibandingkan dengan makhluk lainnya sebagaimana firman Allah s.w.t dalam ayat berikut:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ

“Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya”.

(QS At Tin : 4)

Allah menciptakan manusia lengkap dengan jasadnya agar seorang manusia dapat dikenali sebagai manusia. Tubuh badan juga merupakan tempat tinggal kepada jiwa seseorang. apabila seseorang itu meninggal dunia, maka tidak ada guna baginya jiwa, kerana jasad memerlukan roh untuk mengelolakan perhubungan jiwa dengan aktiviti harian.

Rohani atau Jiwa

Manusia tidak akan digelar manusia jika tidak ada roh yang memenuhi ruang dalam jasadnya. Oleh hal yang demikian, Allah s.w.t meniupkan roh saat seorang manusia masih berada dalam kandungan ibunya sebagaimana disebutkan dalam firman Allah s.w.t, iaitu:

فَإِذَا سَوَّيْتُهُ وَنَفَخْتُ فِيهِ مِنْ رُوحِي فَقَعُوا لَهُ سَاجِدِينَ

“Maka apabila Aku telah menyempurnakan kejadiannya, dan telah meniupkan kedalamnya roh (ciptaan)-Ku, maka tunduklah kamu kepadanya dengan bersujud”.

(QS Al Hijr : 29)

MENGENAL DIRI

Mengenal diri sendiri memerlukan proses pengamatan kepada jiwa iaitu dengan memerhati kepada kejadian-kejadian yang telah disempurnakan oleh Allah s.w.t. berikut ada kaedah untuk mengenali diri sendiri.

Memerhati diri sendiri

Seorang manusia hendaknya memperhatikan dirinya sendiri dan merenung tujuan ia diciptakan oleh Allah. Apabila seseorang itu seringkali memerhatikan dirinya, maka dapatlah ia memanfaatkan hidupnya sebagai seorang muslim dalam mentaati perintah Allah. Dalam hal lainnya, mereka dapat menggenggam suatu jati diri unggul sepertimana yang dimiliki oleh baginda Nabi s.a.w.

Hakikat penciptaannya

Manusia diciptakan dengan suatu tujuan dan hakikat tujuan penciptaan manusia adalah untuk beribadah dan mengabdikan kepada Allah s.w.t sebagaimana yang disebutkan dalam firmannya yang berbunyi:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

“Dan tidaklah Aku menciptakan jin dan manusia melainkan untuk beribadah kepada-Ku (saja)”

(QS. Adz-Dzaariyaat: 56)

Bersyukur

Dengan mensyukuri nikmat Allah s.w.t seorang manusia dapat mengenali dirinya dengan baik dan mengenal Allah s.w.t. Seseorang yang mensyukuri nikmat Allah tentunya akan sentiasa menyedari hakikat bahawa dirinya tidak memiliki apa-apa dan segala yang dimiliki adalah milik Allah s.w.t. Perintah untuk mensyukuri nikmat Allah tersebut dijelaskan dalam ayat Alqur'an berikut

وَإِذْ تَأْتِيَنَّكُمْ رِيبُكُمْ لَنْ يُؤْمِنَ أَكْثَرُهُمْ إِلَّا شَكْرًا مِمَّا نَنْزَلْنَا مِنْ سَمَوَاتِنَا مِنْ قَبْلُ وَأَنْ تَقُولُوا قَوْلًا مَعْرُوفًا

“Dan (ingatlah juga), tatkala Tuhanmu memaklumkan; “Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambah (nikmat) kepadamu, dan jika kamu mengingkari (nikmat-Ku), maka sesungguhnya azab-Ku sangat pedih”.

(QS Ibrahim : 7)

Peranan sebagai Khalifah

Allah s.w.t menciptakan manusia dan menjadikannya khalifah di muka bumi ini. Oleh hal yang demikian, manusia yang mengenali dirinya sentiasa mengingati peranannya serta

kedudukannya dimuka bumi sebagai khalifah. Hasil dariapda itu, manusia dapat bersahsia dengan orang lain dan alam sekeliling dengan baik disamping menjaga segala sesuatu sesuai dengan hakikatnya. Sebagaimana disebutkan dalam firman Allah s.w.t:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat: “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi”. Mereka berkata: “Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan mensucikan Engkau?” Tuhan berfirman: “Sesungguhnya Aku mengetahui apa yang tidak kamu ketahui”.

(Qs Al Baqarah : 30)

Muslim yang baik tentunya sentiasa berusaha untuk mengenal dirinya sendiri dan mengenal Tuhannya iaitu Allah s.w.t. akibat daripada proses itu, jati diri manusia sebagai muslim akan dapat dipupuk dengan baik dan seterusnya akan menjadikan seseorang itu manusia yang dihormati dan akhirnya akan mewujudkan sebuah masyarakat yang aman, damai dan harmoni walaupun berbilang kaum.

Kepentingan Mengenal Diri Sendiri

Semua manusia yang ada di dunia ini tentu mengetahui siapa namanya, tinggal di mana dan asalnya, dimana ia dilahirkan dan sebagainya. Namun begitu, hanya segelintir sahaja yang berfikir mengenai tujuan ia diciptakan dan apa yang akan terjadi setelah ia meninggal dunia. Seseorang muslim sejati seharusnya sentiasa befikir mengenai kehidupan selepas mati. Proses pemikiran ini akan menimbulkan jati diri sebagai seorang muslim yang berkualiti melalui proses muhasabah yang dilakukan.

Sebagaimana yang diketahui, manusia itu unik dan setiap manusia memiliki kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Sebagai seorang muslim, kita perlu mencari kelebihan dan kekurangan diri sendiri supaya kita tidak menjadi rendah diri dan akhirnya akan membawa kepada sikap putus asa terhadap rahmat Allah s.w.t. Selain daripada itu, pengaruh kepada gaya hidup yang lebih moden telah menjadi salah satu faktor kepada wujudnya gangguan jati diri seorang muslim yang sejati. Ini terjadi kerana sikap serta keimanan yang kurang mantap dalam memilih acuan dan jaluran hidup islam yang sebenar.

Seterusnya, jika seseorang itu terbiasa hidup dalam keadaan yang positif, maka sudah pasti kehidupannya, perilakunya dan hubungannya akan turut positif. Sebaliknya, jika seseorang itu terbiasa dengan segala hal yang berunsur negatif. Maka, kehidupannya, perilakunya dan hubungannya akan menjadi negatif.

Manusia yang sentiasa hidup dalam suasana yang positif akan lebih berdaya saing berbanding dengan manusia yang sering hidup dalam suasana yang negatif. Manusia berkembang berdasarkan kepada potensi yang dimiliki. Setiap potensi yang dimiliki berjaya di kesan melalui keunggulan jati diri yang tinggi. Jati diri yang unggul membantu seseorang manusia itu untuk mengenalpasti potensi yang ada dalam diri sendiri. Contohnya, manusia

yang sering diberi sokongan untuk melakukan sesuatu yang baik, akan berjaya menempuhi liku-likunya sehingga sampai kepada garisan penamat iaitu puncak kejayaan.

Setiap individu tentunya memiliki potensi yang tersendiri, dalam hal ini setiap individu hanya perlu mengenalpasti dan menggilap potensi yang ada di dalam diri. Akhirnya individu yang mempunyai potensi yang dikenalpasti akan berjaya menemukan jati diri yang unggul yang dapat membantu membina hubungannya dengan persekitaran. Seterusnya akan dibincangkan kepentingan meningkatkan jati diri. Iaitu,

1. Memacu kehidupan

Kehidupan sentiasa memberi peluang kepada kita untuk memilih. Oleh itu, pilihan yang terbaik dan tepat dengan acuan kehidupan adalah menjadi idaman bagi setiap manusia. Contohnya, memilih pekerjaan, pasangan, tempat tinggal dan sebagainya. Apabila seseorang individu telah mengenalpasti jati diri, maka kita akan mudah untuk mengorak langkah untuk memacu kehidupan ke arah yang lebih baik. Malah, kita juga mampu membuat pilihan dan keputusan yang terbaik. Contohnya, jika kita amat menyukai aktiviti penulisan, maka kita akan mudah untuk menentukan corak pekerjaan kita dalam bidang penulisan.

2. Berdikari

Setiap manusia memang tidak dapat lari dari masalah yang menimpa. Bahkan, daripada masalah tersebut kita dapat belajar untuk menjadi lebih kuat dan tabah dalam mengharungi arus kehidupan yang semakin mencabar. Dengan adanya jati diri yang unggul, kita akan lebih mudah memujuk diri sendiri serta mencari jalan penyelesaian untuk menangani setiap masalah yang hadir.

3. Lebih mudah hidup dalam bermasyarakat

Untuk me bentuk jati diri yang unggul, kita perlu bersosialisasi dengan masyarakat. Hasil daripada sosialisasi tersebut kita dapat mengenal diri kita melalui pandangan orang lain. Hasil daripada teguran dan tunjuk ajar, kita akan menjadi lebih dewasa untuk menjalani hidup bermasyarakat. Setiap dari manusia, mereka perlu melihat diri mereka melalui sudut pandang orang lain. Ini kerana, manusia seringkali tidak menemui kesilapan dan kekurangan yang ada pada diri sendiri melainkan diberathu oleh orang dipersekitaran terutama rakan sebaya yang akrab. Oleh itu, hidup bermasyarakat akan membantu seseorang itu untuk membina jati diri yang unggul dan berkualiti.

4. Memahami diri sendiri

Sebagai manusia, kita perlu faham dan mengetahui tentang kelebihan serta kekurangan yang kita miliki. Segala kekurangan kita saluti dengan perubahan agar diri kita lebih berkualiti. Manakala, kebaikan yang ada dalam diri sendiri perlu dikekalkan secara istiqamah agar kita dapat membentuk jati diri dan sahsiah yang lebih baik. Jati diri perlu dibentuk bermula dari zaman remaja, kerana pada zaman ini mereka mudah dibentuk dan nilai murni mudah untuk diterapkan serta dapat dikukuhkan untuk diamalkan bagi suatu tempoh masa yang lebih lama.

5. *Dapat menerima sesuatu keadaan dengan ikhlas*

Menerima diri kita dengan seadanya dan ikhlas menjadi satu kewajiban bagi setiap manusia. Kita perlu ikhlas dan redha dengan setiap ketentuan yang berlaku ke atas diri kita. Sikap sabar dan redha akan memupuk satu sikap tidak mudah mengalah dan timbulnya perasaan ingin terus berusaha sehingga sampai kepada matlamat yang diinginkan. Contohnya dalam kehidupan seharian kita perlu sentiasa bertoleransi dengan diri sendiri iaitu dari segi kebaikan atau keburukan yang ingin dilaksanakan. Toleransi di sini bermaksud toleransi untuk menolak keburukan dan mengekalkan kebaikan. Hasil daripada itu, jati diri muslim sejati dapat disemai dan diperkembangkan dengan lebih baik untuk diamalkan.

6. *Memiliki rasa tanggungjawab yang tinggi*

Rasa tanggungjawab merupakan hal yang perlu dimiliki oleh setiap orang. Salah satunya ketika kita sedang berbuat suatu kesalahan, tentunya kita harus bertanggungjawab ke atasnya. Dengan memiliki dan mengenali jati diri kita, sikap bertanggungjawab akan dapat dipupuk. Sikap tanggungjawab merupakan satu sikap yang penting bagi setiap manusia, jika manusia tidak memiliki sikap ini, maka Negara akan menjadi huru-hara dan masyarakat tidak akan dapat hidup dengan aman dan harmoni. Ini kerana sikap tanggungjawab yang ada dalam diri manusia terhapus dan manusia akan melakukan sesuatu keburukan tanpa merasa bersalah ke atas tindakannya.

7. *Menerima kekurangan orang lain*

Seringkali berlaku dalam kehidupan ialah seseorang itu sukar menerima kesilapan yang dilakukan oleh orang lain. Hal ini kerana setiap manusia memiliki sifat egonya yang tersendiri. Oleh hal yang demikian, Islam mengajarkan umatnya untuk menyemai benih keimanan dan ketakwaan agar sifat mazmumah itu dapat ditinggalkan. Apabila seseorang manusia itu bertakwa, kekurangan orang lain akan dijadikan sebagai panduan untuk memperbaiki kesilapan sendiri agar kesilapan yang sama tidak terus berulang. Hasilnya, akan wujudlah sebuah masyarakat yang saling hormat-menghormati walaupun hidup dalam masyarakat yang berbilang kaum.

8. *Dapat mengembangkan potensi yang dimiliki*

Kepentingan dalam menemukan jati diri akan menjadikan kita lebih memahami potensi diri dan kita mampu mengembangkan potensi yang ada agar kehidupan kita bergerak ke titik kejayaan yang lebih tinggi. Dengan adanya jati diri yang tinggi, kita mampu menjadi manusia yang lebih berdaya saing dan bersedia untuk memajukan diri ke arah yang lebih baik.

9. *Pelengkap kepada peribadi unggul*

Dalam kehidupan ini kita memang diwajibkan untuk selalu bersikap positif, terutamanya ketika kita dilanda musibah atau masalah baik masalah kecil ataupun besar. Seharusnya kita memiliki sikap positif saat menghadapinya. Kerana sikap yang positif akan membantu menyelesaikan masalah yang timbul, sebaliknya sikap positif akan mengeruhkan lagi keadaan dan sukar untuk mencari penyelesaian. Hasil daripada sifat jati diri yang tinggi, kita mampu menghadapinya dengan tabah dan sabar. Natiujahnya, kita akan lebih mengerti bahawa

keperibadian yang positif itu harus dimiliki oleh setiap individu bagi membantu pertumbuhan masyarakat yang bitara.

KAEDAH PENDIDIKAN JATI DIRI

Anak-anak merupakan nikmat kurniaan Allah yang amat berharga. Anak-anak seharusnya diberi pendidikan serta didikan yang baik mengikut acuan islam. Anak-anak yang dididik secara membuta tuli akan menjadikan hati mereka jauh dengan suasana keakraban ibu bapa. Malahan, mereka mudah untuk dipengaruhi oleh persekitaran untuk mencari alternatif lain bagi memenuhi keperluan kasih sayang yang gagal dipenuhi oleh ibu bapa. Akibatnya, anak-anak mudah terpengaruh dengan gejala sosial yang kian meruncing dalam Negara.

Kaedah hubungan

Seorang anak yang berada pada tahap umur mumayyiz dan mereka mula tahu untuk membezakan antara kebaikan dan keburukan lantas ibu bapa mengikat hati mereka dengan hubungan akidah, rohani, pemikiran, sejarah kemasyarakatan dan jasmani sehingga mereka menjengam remaja, dewasa dan tua. Maka, sudah pasti anak-anak akan memiliki keteguhan iman yang kuat, keyakinan yang tebal dan kekebalan takwa yang menjadikannya memandang hina terhadap jahiliah. Malah mereka akan bersikap memusuhi jika prinsip-prinsip islam cuba dirosakkan oleh anasir-anasir dari luar. Hal ini terjadi kerana anak-anak sudah mempunyai islam samada akidah, jihad, dakwah, Negara, al-Quran, perjuangan, pemikiran dan pengetahuannya. Kaedah hubungan ini akan menjadi pemangkin kepada pembentukan jati diri anak-anak selari dengan kehendak islam. Seterusnya, akan dibincangkan tentang hubungan utama yang benar-benar memberi kebaikan kepada anak-anak.

Hubungan Akidah

Apabila anak-anak telah sampai kepada tahap penggunaan akal yang sempurna, maka wajiblah ibu bapa mengisi ruang akalnya dengan rukun-rukun iman yang asas, kebenaran perkara-perkara ghaib dan segala perkara yang diputuskan dengan muktamad berkaitan dengan kepercayaan serta keghaiban. Ini bermaksud, ibu bapa perlu mengisi ruang akal anak-anak dengan keimanan terhadap Allah, Malaikat, Kitab, Rasul, Qadha' dan Qadar, Soalan Malaikat mungkar dan Nakir, Seksa Kubur, kebangkitan Hari Akhirat, Hisab, Syurga dan Neraka serta lainnya.

Apabila ibu bapa telah menanam sedalam-dalamnya keimanan sebenar ke dalam jiwa anak-anak, maka sudah tentu si anak akan menjadi seorang yang mengingati Allah, takut serta berserah diri kepadaNya. Malah anak akan menjadi seorang yang memiliki keimanan yang luhur dan dapat menyelamatkannya daripada kerosakan masyarakat, tiupan nafsu yang jahat dan keburukan akhlak. Perkara ini akan memberi kebaikan kepada jiwa serta akhlaknya dan kesempurnaan akal serta tindak-tanduknya.

HUBUNGAN ROHANI

Maksud hubungan rohani ialah jiwa si anak yang suci dan bersih, hatinya yang dipenuhi dengan keimanan serta keikhlasan dan jiwa raganya yang mempunyai harga diri. Sehubungan

dengan itu, islam mempunyai cara untuk mengikat seseorang muslim dengan pelbagai ikatan kerohanian agar mereka sentiasa bersih dan suci.

Beikut akan dibincangkan pula cara-cara mengikat jiwa anak-anak dengan acuan islam agar mereka menjadi muslim sejati yang memiliki jati diri yang berhemah tinggi.

Hubungan anak dengan Ibadat

Sebuah hadis yang telah diriwayatkan oleh Hakim dan Abu Daud daripada Umar ibn al-As r.a bahawa Rasulullah s.a.w bersabda:

Maksudnya, “Suruhlah anak-anak kamu semabahnya semasa mereka berusia tujuh tahun, gunakan pukulan untuk memaksa mereka mengerjakannya ketika berusia sepuluh tahun dan serentak dengannya pisahkan mereka dari tidur bersama”.

Berdasarkan kepada hadis di atas dapat kita fahami bahawa setiap ibu bapa perlu menyemai setiap jiwa anak-anak dengan ibadat bagi membiasakan diri mereka dengan tuntutan agama.

Selain daripada itu, ibu bapa perlu menanamkan kepada anak-anak bahawa ibadat dalam islam bukan hanya terletak pada empat rukun itu sahaja (solat, puasa, zakat dan haji) tetapi ia merangkumi segala amalan baik yang perlu dilakukan oleh setiap orang mukmin mengikut cara islam. Oleh itu, setiap ibu bapa wajib memberi penjelasan kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi mengenai prinsip-prinsip kebaikan serta keburukan, soal halal dan haram dan soal kebenaran serta perkara kebatilan. Hal ini dilakukan supaya anak-anak dapat menjauhi perkara-perkara yang diharamkan. Sebagaimana hadis yang disebut oleh Baginda Nabi s.a.w yang bermaksud,

“Kamu lakukanlah perkara-perkara untuk mentaati Allah, jauhilah perkara-perkara yang mengingkari Allah, dan perintahkan anak-anak kamu mengerjakan segala suruhan serta menjauhi segala larangan, kerana semuanya itu akan menyelamatkan mereka dan kamu dari azab api neraka”.

Apabila seseorang anak itu diikat dengan ibadat sejak mereka masih kecil ketika itulah si anak akan menjadi seorang insan yang soleh dan hamba Allah yang ikhlas. Seseorang manusia yang sering melakukan tanggungjawabnya dalam kehidupan, menjadi contoh teladan kepada orang lain dan menjadi tumpuan kepada masyarakat umum. Secara tidak langsung, jati diri anak-anak akan terpahat padu dihati dan dapat diaplikasi terhadap kehidupan.

Hubungan anak dengan al-Quran

Sebuah hadis yang diceritakan oleh Saidina Ali k.w.j, bahawa bersabda Nabi s.a.w:

“Didiklah anak-anak kamu, mengasihi dengan tiga perkara: Mengasihi Nabi kamu, mengasihi ahli keluarganya dan membaca al-Quran. Sesungguhnya angkatan Jemaah al-Quran akan

berada di bawah lindungan Arasy Allah pada hari kiamat bersama para Nabi serta orang pilihannya”.

Ibnu Khaldun membicarakan di dalam kitabnya ‘Mukaddimah’ telah menarik perhatian ramai masyarakat berkaitan kepentingan kanak-kanak belajar dan diajar serta menghafaz al-Quran. Jelas beliau, al-Quran merupakan sumber asas pembelajaran bagi semua sukatan pelajaran dipelbagai Negara Islam kerana ia satu daripada lambang kebesaran agama islam yang memberi penetapan akidah dan peneguhan iman.

Manakala, Ibnu Sina di dalam Kitabnya ‘al-Siyasah’ memberi nasihat supaya anak-anak diajar al-Quran sebaik sahaja mereka bersedia untuk belajar agar bahasa arab yang tulen dapat meresap ke dalam dirinya sejak kecil supaya kukuhnya petunjuk-petunjuk iman di dalam dada.

Sementara itu, Imam al-Ghazali pula menyebut di dalam Kitabnya ‘Ihya’ Ulumiddin’. Beliau berpesan supaya kanak-kanak diajarkan al-Quran, hadith-hadith yang mengandungi cerita-cerita orang soleh dan beberpa hukum agama.

Justeru itu, ibu bapa dan para pendidik perlu sedar bahawa umat Islam pada zaman ini tidak akan mencapai kebaikan kecuali melalui perkara-perkara yang telah membawa kebaikan kepada umat Islam di zaman permulaan. Jika pada zaman permulaan dimulai dengan kebaikan al-Quran melalui pembacaan, mengamalkan serta melaksanakannya dan mencapai kemuliaan dengan islam menerusi pemikiran, tindak-tanduk serta cita-citanya, maka umat islam di zaman ini sudah tentu tidak akan sampai ke tahap kebaikan dan mencapai kemuliaan kecuali jika kita selaku ibu bapa dan para pendidik dapat mengikat anak-ana dengan al-Quran iaitu membacanya, memahami, mengahafaz, mentafsir, khusyuk dengannya, mengamalkannya dan melaksanakan hukum-hukumnya.

Hasil daripada itu, dapat dibentuk sebuah generasi al-Quran yang beriman dan bertakwa. Dan secara tidak langsung akidah dan jati diri anak-anak akan terbela dan dijaga rapi dengan keilmuan serta keimanan.

Hubungan anak dengan Masjid

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh al-Tirmizi, dari Abi Said al-Kudri r.a bahawa Rasulullah s.a.w telah bersabda yang bermaksud,

“Apabila kamu melihat seseorang lelaki selalu berulang-alik ke masjid, kamu bersaksilah bahawa ia seorang yang beriman”.

Seterusnya firman Allah s.w.t yang bermaksud,

“Sesungguhnya orang yang memakmurkan masjid-masjid Allah ialah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari akhirat”.

Hasil daripada itu dapatlah kita sedari bahawa masjid memainkan peranan utama dalam membentuk jati diri muslim. Masjid juga menjadi sebuah institusi yang penting kepada generasi akhir ini. Ini kerana tanpa masjid anak-anak tidak mungkin terdidik dengan kerohanian serta keimanannya dan akhlak serta kemsyariatannya. Selain itu, tanpa masjid

juga anak-anak tidak dapat mendengar suara azan yang melaungkan kalimah ‘Allahu akbar’ yang bergema diruang angkasa sehingga tersentuhnya perasaan serta bergetarnya hati.

Tanpa masjid juga, seseorang muslim tidak mungkin dapat mempelajari hukum-hukum agama, susunan hidup di dunia, soal halal dan haram, peraturan hidup dan perjalanan syariat islam yang wajib dituruti.

Selain daripada itu, masjid juga menjadi tempat untuk mengeratkan hubungan silaturahim, kasih sayang, belas kasihan dan kerjasama sesama umat islam tanpa mengira darjat dan keturunan. Tanpa masjid juga seseorang muslim itu tidak punya tempat untuk mengadu apabila ditimpa kesusahan dan tidak ada tempat untuk mencari penawar apabila dilanda ketakutan.

Berpaksikan perbincangan tersebut, dapatlah disimpulkan bahwa institusi masjid dapat membantu meningkatkan jati diri anak-anak melalui proses penimbaan ilmu pengetahuan, pengukuhan tali silaturahim dan toleransi serta kerjasama sesama umat islam.

Hubungan anak dengan zikir

Firman Allah s.w.t yang bermaksud,

“Kerana itu, ingatlah kamu kepada-Ku nescaya Aku (pula) ingat kepadamu”.

(QS al-Baqarah : 152)

Zikir bermaksud menyatakan kebesaran Allah s.w.t dalam apa jua keadaan seseorang muslim itu berada samada dengan akal fikiran, hati, lidah atau perbuatan. Ia dilakukan samada dengan berdiri, duduk, berbaring, memerhati kejadian Allah di muka bumi, merenungi ayat-ayat al-Quran, mendengar pengajaran yang baik, menjalankan syariat Allah ataupun melakukan sebarang pekerjaan kerana mencari keredhaan Allah s.w.t.

Mengingati Allah s.w.t merupakan faktor pendorong kepada seseorang untuk menjadi muslim yang sejati. Hal ini kerana seseorang yang mengisi hatinya dengan mengingati Allah amat sukar untuk melakukan sesuatu yang di luar batasan norma kehidupan sebagai manusia. Golongan ini menjadi golongan yang mampu berfikir secara rasional dan bertindak berpandukan akal fikiran yang disaluti dengan panduan islam. Hasilnya, wujudlah anak-anak yang memiliki jati diri serta sahsiah yang unggul selari dengan ajaran islam.

Hubungan anak dengan rakan yang baik

Faktor penting dalam membentuk keimanan serta kerohanian anak-anak adalah dengan mendidik mereka agar bergaul dengan rakan-rakan yang mukmin dan baik. Ini bertujuan supaya mereka memperolehi apa yang diperlukan untuk membentuk peribadinya iaitu rohani yang suci murni, ilmu yang berguna, tatasusila yang mulia dan akhlak yang tinggi.

Namun begitu, ibu bapa dan para pendidik perlulah meneliti supaya wujudnya kesesuaian dalam pergaulan supaya ianya tidak mendatangkan keburukan. Penelitian di sini membawa maksud, jika seorang anak dididik oleh seorang mursyid yang memiliki kesedaran dan kemudiannya anak itu berkawan dengan orang-orang yang tidak mempunyai kesedaran islam serta kefahaman mengenai pergerakan yang sempurna maka kemungkinan anak itu akan terpengaruh dan tertarik dengan pujukan mereka.

Oleh hal yang demikian, ibu bapa dan para pendidik perlu meneliti dan sentiasa mengambil tahu tentang hubungan anak-anak dengan rakan sebaya supaya pemantauan ini dapat mengelakkan daripada munculnya pengaruh-pengaruh rakan sebaya ke arah keburukan. Hasil daripada penjagaan dan pemerhatian ini, jati diri anak-anak akan dapat dijaga dan dimantapkan dengan menyemaikan benih-benih agama ke dalam jiwa dan kehidupan mereka.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dirumuskan bahawa peranan ibubapa sangat penting dalam proses pembelajaran anak-anak. Ibubapa dan penjaga harus bertanggungjawab dalam menentukan arah tuju pendidikan anak-anak mereka. Ini kerana diperingkat ini anak-anak mudah dilentur. Bak kata pepatah, “Melentur buluh biarlah dari rebungunya”. Berdasarkan kepada pandangan oleh Abdullah Nasih Ulwan dalam bukunya, maka dapat diungkapkan bahawa masih ramai dalam kalangan ibubapa yang tidak mengambil pendekatan yang baik dalam urusan mendidik anak-anak mereka. Justeru, pendekatan yang ditunjukkan oleh Abdullah Nasih Ulwan sangat wajar kepada semua pendidik, ibubapa mengaplikasikannya dalam meningkatkan jati diri anak-anak kerana ianya sesuai, mudah dan praktikal untuk semua lapisan masyarakat.

RUJUKAN

Abdul Rashid Ahmad (2003). *Surah Luqman: Mendidik Anak Cemerlang*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Abdullah Nasih Ulwan, (2010). *Pendidikan anak-anak dalam Islam*, Syed Ahmad Semait (ter), Singapore: Pustaka Nasional.

Ahmad Ibrahim (1999). *Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Malayan Law Journal Sdn Bhd.

Ahmad Mohamad Said. (2009). *Jati Diri dan Psikik Melayu*. Selangor: Kolej Dar al-Hikmah.

Aishah Hassan, (1988). *Pendekatan Islam Terhadap Pendidikan Anak-anak*, Kuala Lumpur: Pustakan Salam.

Al-Hasan, Y. M. (1998). *Pendidikan Anak dalam Islam*. Jakarta: Darul Haq.

Awwad, J. M. (1995). *Mendidik Anak Secara Islam*. Gema Insani.

Azwira Abdul Aziz. (2006) 15 asas pembinaan jati diri Muslim menurut perspektif al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.

- Hassan Langgulung. (1987). *Asas-asas Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hassan, A. (2009). Bahasa Melayu di persimpangan: Antara jati diri dengan rempuhan globalisasi. *Jurnal Kemanusiaan*, 16(2009), 59-81.
- Jasmi, K. A., & Jasmi, K. A. (2007). Menyemai Unsur Jati Diri Islam di Kalangan Pelajar Pra Universiti atau Matrikulasi. In *Kertas Kerja dalam Seminar Pendidikan Pra Universiti/Matrikulasi. Hotel Hilton, Petaling Jaya pada* (pp. 4-5).
- Kamus Dewan. (2010). Ed. Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kumalasari, F., & Ahyani, L. N. (2012). Hubungan antara dukungan sosial dengan penyesuaian diri remaja di panti asuhan. *Jurnal Psikologi: PITUTUR*, 1(1), 19-28.
- Mahmood Nazar, (2005). *Psikologi Perkembangan Kanak-kanak Dalam Pengantar Psikologi*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Majid, L. A., Abdullah, W. N. W., & Zakhi, N. H. A. (2012). Penerapan Nilai Murni dan Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Prasekolah Melalui Penggunaan Multimedia (Integrating Noble Values and Identity Formation into Kindergarten Children through the Use of Multimedia). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 51-65.
- Mustafa bin Haji Daud, (1989). *Institusi Kekeluargaan Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Rosila Nik Yaacob. (2009). *Pembinaan Identiti Diri Bangsa Melayu: Dari Perspektif Pendidikan Psikososial*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Patmonodewo, S. (2000). *Pendidikan anak prasekolah*. Rineka Cipta bekerjasama dengan Departemen Pendidikan & Kebudayaan.
- Purwadi, P. (2004). Peroses Pembentukan Identitas Diri Remaja. *Humanitas: Jurnal Psikologi Indonesia*, 1(1).
- Rodziah Ismail, Tajuk : Setiap Kanak-Kanak Itu Adalah Anak Kita. *Every Child Is Our Child. Internet: pusatmediawanitaselangor.files.wordpress.com. pada 16 Ogos 2014*.
- Saidin, M., & Majid, L. A. (2012). Pembentukan Jati Diri Kanak-Kanak Melalui Bahan Bacaan Bahasa Malaysia (Children's Identity Development Via Malay Reading Materials). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 4(1), 77-102.
- Siti Hajar bt Baharom, (2008). Dakwah kepada Kanak-kanak: Kajian dari Aspek Akidah dalam tarbiyah al-Awlad fi al-Islam oleh Abdullah Nasih Ulwan. *Tesis sarjana* tidak

diterbitkan, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Stapa, Z., Ismail, A. M., & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri (Social Environmental Factors And Their Relation To Identity Formation). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 155-172.
- Tuah, A. H. M., Stapa, Z., & Munawar, A. (2012). Memperkasakan Jati Diri Melayu-Muslim Menerusi Pendidikan Islam Dalam Pengajaran Akhlak (Strengthening Malay-Muslim Identity through Islamic Education and Akhlak Teaching). *Jurnal Hadhari: An International Journal*, 23-35.
- Wan Mohamad Sheikh Abdul Aziz. (2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd. Yusof Othman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 85-96. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Muhamad, S. A. A. (2010). Strategi, kaedah dan pelaksanaan dakwah dalam membina jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd Yusof Osman (Pnyt.), *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari* (hlm. 85-96). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Winataputra, U. S. (2001). *Jatidiri Pendidikan Kewarganegaraan sebagai Wahana Sistemik Pendidikan Demokrasi (Suatu Kajian Konseptual dalam Konteks Pendidikan IPS)* (Doctoral dissertation, Universitas Pendidikan Indonesia).
- Zainul Rijal Abu Bakar. (2010). Undang-undang Islam di Malaysia: Ke arah pembentukan jati diri kebangsaan. Dlm. Mohd. Yusof Othman (pnyt.). *Jati Diri Kebangsaan Manhaj Islam Hadhari*, hlm. 67-84. Bangi: Institut Islam Hadhari, UKM.